

ANALISIS HAK WANITA DI DALAM FILEM 'PEREMPUAN BERKALUNG SORBAN' (2009)

(*Analysis of Women's Rights in Film
'PEREMPUAN BERKALUNG SORBAN' (2009)*)

Wani Syafiqah Adnan & Indriaty Ismail

ABSTRAK

Islam meletakkan wanita pada kedudukan yang sangat mulia selepas kedatangan Islam. Persoalan yang sering diajukan kepada masyarakat ialah berkenaan hak dan peranan wanita di dalam sesebuah institusi. Hakikatnya, peranan wanita pada hari ini sudah setaraf dengan peranan lelaki selagi tidak bertentangan dengan syariat Islam. Selain itu, isu peranan wanita ini menjadi perbualan yang hangat kerana ia menyentuh kepada penganiayaan yang dilakukan kepada kaum wanita. Filem 'Perempuan Berkalung Sorban' membuka mata masyarakat untuk mengenali wanita dengan lebih dekat. Filem ini telah diadaptasi daripada novel ke peringkat filem bagi memaparkan isu-isu yang ditimbulkan khusus bagi wanita muslim. Filem ini juga menonjolkan kekerasan terhadap kaum wanita. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis hak-hak wanita Islam di dalam filem Perempuan Berkalung Sorban. Selain itu, kajian ini akan menghubungkan isu-isu wanita dengan peranan wanita di dalam Islam. Kaedah metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan dan analisis filem. Maklumat diperolehi menerusi rujukan ilmiah yang berkaitan dengan tajuk kajian seperti bukubuku, tesis, kertas kerja, surat khabar, artikel, internet, dan bahan-bahan lain yang sesuai dijadikan rujukan. Hasil kajian ini akan mendapatkan bahawa pengkaji akan membezakan realiti peranan wanita pada hari ini dengan filem Perempuan Berkalung Sorban.

Kata Kunci: Hak, wanita, Islam, filem, Perempuan Berkalung Sorban.

ABSTRACT

Islam puts women in a very noble position after the advent of Islam. The question often asked to the community is the rights and roles of women in an institution. In fact, the role of women today is on par with the role of men as long as they do not conflict with Islamic law. In addition, the issue of this woman's role is a warm conversation as it touches on the persecution committed against women. The 'Sorrounding Woman of Sorban' film opened the eyes of the community to recognize the woman more closely. The film has been adapted from novel to movie level to highlight issues raised specifically for Muslim women. The film also features persecution against women. Therefore, this study was conducted to analyze the rights of Muslim women in the Sorban Banded Woman film. In addition, this study will link the issues of women with the role of women in Islam. The methodology used in this study is library study and document analysis. Information is obtained through scientific references related to research titles such as books, theses, papers, newspapers, articles, the internet, and other suitable materials for reference. The results of this study will find that the researcher will differentiate the reality of the role of women today with the 'Perempuan Berkalung Sorban' film.

Keywords: Rights, women, Islam, films, Sorban Women

PENDAHULUAN

Filem merupakan satu gagasan yang dibawa oleh pengkarya untuk menghasilkan sebuah penceritaan yang menarik melalui media massa. Perkembangan perfileman pada hari ini semakin mendapat tempat di hati masyarakat. Hal ini kerana penyampaian sesuatu penceritaan tidak semestinya disampaikan melalui media cetak seperti buku, majalah, surat khabar, dan artikel malahan, ia juga boleh disampaikan melalui media elektronik seperti televisyen, radio, *Facebook*, *Instagram*, dan *Youtube*. Kepelbagaiannya bentuk media ini memberi cabaran yang besar kepada pengkarya untuk menyampaikan mesej dakwahnya agar matlamatnya itu mencapai objektif dan memberi kesan terhadap penonton yang menontonnya.

Seiring dengan perkembangan zaman, media massa juga mengalami kemajuan. Ia merupakan teknologi maklumat di dalam Islam yang berkait rapat dengan penyampaian dan perantaraan kepada masyarakat setempat. Jika dirujuk kepada sejarah perkembangan filem, setiap negara mempunyai bentuk perkembangan unik yang dipengaruhi oleh ideologi, sosial, budaya dan ekonomi tersendiri (James Chapman 2003: 33-34). Setiap elemen tersebut mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat terutama kepada golongan remaja kerana filem ini mampu mengubah dan mewarnakan kehidupan sosial masyarakat sekali gus memberi kesan kepada manusia sama ada kesan yang baik atau buruk. Selain itu, filem juga mampu menjadi medium yang padu dan cukup berkesan untuk menyampaikan dakwah dalam mendidik penonton secara berkesan.

Pengkaji memilih filem Perempuan Berkulung Sorban kerana ia mempunyai kandungan yang baik untuk dipaparkan kepada masyarakat terutama bagi golongan wanita. Keistimewaan filem ini berbanding filem Islami yang lain adalah filem ini membawa mesej hak-hak wanita yang perlu ditegakkan kerana wanita juga mempunyai hak di dalam Islam. Kekuatan pengkaji untuk melakukan kajian ini adalah disebabkan nilai-nilai baik yang ditunjukkan di dalam filem ini bagi mengangkat dan memuliakan wanita dan tidak seperti apa yang mereka gambarkan sebelum ini, Contohnya, pada zaman kedatangan sebelum Islam wanita mempunyai kedudukan dan nilai yang sangat rendah yang diperlakukan seperti hamba. Jadi, filem ini dapat mengubah persepsi masyarakat terhadap wanita selepas kedatangan Islam. Pengkaji menyatakan filem Perempuan Berkulung Sorban mempunyai sistem praktikal yang diamalkan di dalam pesantren tersebut. Sistem ini ialah satu ideologi yang merujuk kepada kepercayaan bahawa kedudukan lelaki adalah melebihi wanita dalam sesebuah masyarakat (Asghar Ali 2005: 53). Dr. Husna Sulaiman (2010) selaku Penggerusi Kolisyen Ekonomi dan Pengguna, Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) berkata isu wanita dalam masalah sosial adalah masalah yang berasaskan gender berakar umbi daripada masyarakat terhadap darjah dan kedudukan wanita yang dipandang rendah daripada lelaki (Utusan Malaysia 2010).

Oleh itu, isu-isu hak wanita semakin mendapat perhatian dalam masyarakat pada hari ini contohnya seperti penganiayaan terhadap wanita, perbezaan dan persamaan antara jantina, poligami, keganasan terhadap wanita dan sebagainya. Untuk lebih fokus, kajian ini akan menumpukan perbincangan terhadap beberapa isu hak wanita. Antaranya ialah hak pendidikan, bersukan, menjadi pemimpin, perkahwinan, dan berkarya.

SINOPSIS FILEM PEREMPUAN BERKALUNG SORBAN

Filem Perempuan Berkalung Sorban menceritakan tentang perjuangan seorang perempuan bernama Anisa dalam memperjuangkan hak asasi kaum perempuan dalam lingkungan pondok pesantren keluarganya. Anisa memiliki watak yang cerdas, berani dan tegas pendirian. Ayahnya merupakan seorang Kiai di sebuah pondok pesantren. Sejak kecil Anisa dididik dalam persekitaran pondok yang memiliki konsep bahawa darjat lelaki lebih tinggi daripada perempuan dan perempuan perlu tunduk dan patuh terhadap lelaki. Anisa yang memiliki watak cerdas, berani dan teguh pendirian tersebut tidak setuju dengan sistem pendidikan yang diajarkan di pesantren milik ayahnya, dia merasa konsep tersebut salah sehingga menimbulkan pendapatnya sendiri bahawa agama Islam itu salah kerana terlalu membela lelaki dan menindas perempuan. Padahal yang salah disini adalah pemahaman para pengajarnya yang hanya memahami pelajaran agama secara harfiah.

Di sinilah terjadi konflik antara Anisa, keluarganya dan masyarakat dalam lingkungan pesantren. Anisa yang memiliki sifat berani dan berpendirian kuat tersebut berusaha untuk memperbaiki dirinya terhadap apa yang menurutnya benar dan apa yang menurutnya salah dengan memasukkan buku-buku moden dalam lingkungan pesantren dengan tujuan agar para penuntut pesantren dapat memiliki pengetahuan yang lebih luas lagi. Namun apa yang dilakukan Anisa tersebut salah menurut pandangan masyarakat, kerana membuat para penuntut lebih memilih membaca buku-buku yang diberikan Anisa daripada membaca buku-buku yang diajarkan di pesantren. Meskipun masyarakat dalam lingkungan pesantren menentangnya, tapi dia tetap tegas pada pendiriannya bahawa seorang perempuan perlu hidup berdikari dan tidak selalu bergantung kepada orang lain termasuk suaminya.

Oleh itu, sinopsis ini menunjukkan peranan Anisa dalam mengembalikan hak-hak wanita sebagai seorang anak perempuan, gadis remaja, dan juga seorang isteri. Pengkaji akan mendalami isu-isu ini dengan lebih mendalam bagi mengetahui sejauh mana hak-hak wanita dapat ditegakkan di dalam filem Perempuan Berkalung Sorban. Filem ini telah memberi gambaran yang jelas bahawa mesej yang disampaikan memberi impak baik dan buruk terhadap wanita. Kelonggaran dan kelompongan di dalam filem ini akan ditambah baik oleh pengkaji semasa menganalisa hak-hak wanita di dalam Perempuan Berkalung Sorban (Abidah 2009).

ANALISIS HAK WANITA ISLAM

1. Hak Bersukan (Larangan Berkuda)

Permulaan cerita di dalam filem ini mengisarkan ketegasan terhadap Anisa iaitu ayahnya melarang Anisa untuk belajar menunggang kuda. Anisa berasa tidak adil dengan peraturan yang ditetapkan oleh ayahnya sendiri. Anisa mempunyai perasaan ingin tahu mengapa ayahnya bertindak demikian sedangkan kedua-dua abangnya Reza dan Wildan dibolehkan belajar menunggangi kuda. Namun jawapan yang diterima oleh uminya bahawa dia tidak sesuai menunggang kuda kerana aktiviti tersebut hanya sesuai untuk lelaki.

Bersukan merupakan satu aktiviti yang amat digalakkan di dalam Islam kerana dengan bersukan kesihatan dan kecergasan tubuh badan dapat dikekalkan sekali gus dapat menjauhkan diri daripada sebarang penyakit. Firman Allah s.w.t:

٦٢ فَاللَّهُمَّ إِنِّي أَبْتَأْتُ أَنْ تُحَجِّرَهُ إِنَّ خَيْرَ مَنْ أَنْ شَجَرَتِ الْقَوَافِيْ أَلْمَمَ بِنَ

Maksudnya: Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaikbaik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah.

(Al-Quran: Surah Al-Buruj: 26)

Analisa peranan wanita di dalam filem ini menunjukkan bahawa sebahagian manusia mempunyai pemikiran yang stereotaip walaupun berlatar belakangkan pendidikan agama. Mereka tahu tentang hukum-hukum Allah dan Islam tetapi mereka dipengaruhi oleh pemikiran yang diasuh sejak kecil lagi. Bagi golongan ini, wanita dilarang sama sekali membuat aktiviti seperti lelaki kerana wanita itu berhak untuk berada di dapur memasak, menjaga anak, mencuci baju, dan sebagainya.

Pengkaji berpendapat bahawa wanita mempunyai hak dalam bersukan kerana Islam amat mementingkan penjagaan kesihatan jasmani kerana ia merupakan elemen penting dalam melahirkan masyarakat yang sihat dan sejahtera seterusnya dapat menyumbang kepada agama, bangsa dan negara. Ini juga selaras dengan prinsip yang digariskan dengan menjaga lima perkara yang menjadi tunjang kehidupan sejahtera iaitu memelihara agama, jiwa, maruah, harta dan keturunan. Dengan memiliki tubuh badan yang sihat dan kuat akan memudahkan seorang wanita mahu pun lelaki dapat mengerjakan suruhan Allah s.w.t dan dapat menjalani kehidupan seharian dengan mudah dan selesa. Jadi, berdasarkan larangan terhadap wanita untuk berkuda itu adalah tidak patut kerana isteri Nabi iaitu Saidatina Aisyah juga menunggang kuda bersama Rasulullah s.a.w ketika hayat baginda.

2. Larangan Menjadi Pemimpin

Filem ini juga menggambarkan masih ada lelaki yang boleh memimpin maka perempuan muslimah tidak boleh menjadi pemimpin. Namun, tidak semua orang sepakat dengan apa yang disampaikan di dalam filem ini. Ada orang yang berpendapat bahawa prinsip seperti itu termasuk kepada ketidak adilan gender. Filem ini menceritakan tentang pemilihan ketua kelas yang dilakukan di kelas Annisa, secara mutlak dimenangi oleh Annisa, tetapi keputusan itu berubah selepas guru pesantren utu mengubah posisi ketua kelas kepada Farid, iaitu saingen Anisa. Anisa berasa tidak berpuas hati lalu memberontak selepas pulang daripada rumah sehingga ayahnya marah kepadanya. Keputusan yang dilakukan guru kelas Anisa memberi gambaran bahawa seorang perempuan tidak berhak untuk menjadi ketua dan pemimpin. Pernyataan yang diucapkan oleh Guru Annisa bahawa perempuan dalam Islam tidak boleh menjadi pemimpin adalah bukan satu pernyataan yang mutlak benar. Hal ini kerana pernah terjadi pada kepemimpinan Rasulullah Muhammad SAW, seorang perempuan bernama Nusaibah (isteri Zaid bin Asim) turut mengambil bahagian di dalam perang Uhud. Nusaibah memimpin pasukan Rasulullah s.a.w melawan kekuatan musuh dan dalam sebuah kesempatan kritis, dia berhasil memperkecil kekalahan pasukan Muslim. Kisah lain tentang seorang perempuan yang terpilih menjadi seorang pemimpin, iaitu Syafa', dia dipilih oleh Umar bin Khatab, sebagai seorang pengawas pasar Madinah, bererti ia menjadi pemimpin di antara para pedagang dan menjaga kelancaran perdagangan di pasar Madinah.

Keberhasilan kedua-dua perempuan yang terpilih menjadi pemimpin di dalam kedua contoh di atas, tidak lebih kerana mereka masing-masing dianggap memiliki karakter dan kemampuan khusus dalam bidang yang harus mereka pimpin tersebut. Begitu juga hal yang sama terjadi pada Anisa, lebih dari setengah kelas Annisa memberikan suara untuk Annisa menjadi ketua kelas, ertinya kebanyakannya daripada sahabat Anisa menganggap Anisa layak menjadi pemimpin di kelas dan percayakan bahawa dia sebagai perempuan juga boleh menjadi pemimpin di kelas mereka.

Syeikh Yusuf al-Qardhawi menyatakan ada pun masalah yang berkaitan dengan bidang perundangan dan politik, Abu Hanifah memperbolehkan bagi kaum wanita untuk menduduki jabatan perundangan sepanjang diperbolehkan memberikan kesaksian, maksudnya selain daripada masalah-masalah jenayah. Namun Imam at-Tabari dan Ibn Hazm juga

memperbolehkan wanita menduduki jabatan dalam masalah harta dan lembaga yang menangani masalah jenayah dan lainnya (Qardhawi 2002: 37). Maksudnya, diperbolehkan itu bukan bererti wajib dan harus tetapi ia dilihat dari segi kemaslahatan bagi wanita sendiri dan usrah (keluarga), masyarakat serta Islam. Hal ini kerana isu ini boleh mengakibatkan sebagai wanita tertentu pada usia tertentu untuk memutuskan masalah-masalah tertentu dan dalam keadaan-keadaan yang tertentu.

Sebahagian berpendapat bahawa wanita dilarang untuk menjadi presiden, pemimpin besar kerana potensi wanita kebiasanya tidak dapat bertahan untuk menghadapi situasi yang mengandungi risiko yang besar. Hukum tidak boleh berdasarkan kepada asas yang jarang berlaku melainkan harus berdasarkan apa yang banyak berlaku. Kerana itu ulama' mengatakan "Sesuatu yang jarang berlaku itu tidak boleh menjadi landasan hukum". Lantas ada pun wanita sebagai pengarah, dekan, ketua yayasan, anggota majlis perwakilan rakyat atau sebagainya, tidak mengapa jika selama mana ianya diperlukan (Qardhawi 2002: 38).

Berdasarkan isu yang dibincangkan di dalam isu ini, wanita diharuskan menjadi pemimpin tetapi tidak digalakkan. Pengkaji berpendapat bahawa wanita mempunyai banyak peranan di dalam setiap aspek seperti sosial, politik, ekonomi, dan pendidikan. Selagi wanita itu tidak mengabaikan syariat Allah sebagai seorang anak, isteri dan pekerja maka wanita diharuskan untuk menjadi pemimpin. Hal ini kerana wanita juga mempunyai kelemahannya yang perlu diakui ketika saat dia beremosi dan sebarang masalah tidak boleh diputuskan mengikut hati dan perasaan berbanding dengan lelaki yang Allah sebutkan di dalam al-Quran yang mempunyai makna "Qawwam" iaitu kekuatan berbanding dengan wanita.

3. Hak Menuntut Ilmu

Babak ini menceritakan Anisa yang tidak diizinkan melanjutkan kuliah di salah satu universiti di Jogjakarta kerana Anisa belum berkahwin. Namun Annisa tetap mempertahankan pendapatnya agar ia diizinkan untuk kuliah di Jogja, tetapi apa sahaja alasan Anisa, Kiai Hanan tetap meyakinkan Anisa bahawa pernikahan itu merupakan sumber pahala bagi Anisa. Annisa diterima untuk kuliah di Jogja dan berjaya mendapatkan biasiswa daripada kampusnya. Namun Kiai Hanan tidak mengizinkannya kerana beliau tidak boleh melepaskan Anisa tanpa mahram sebagai pendamping sepanjang dia belajar. Sementara pada dialog seterusnya menceritakan bahawa kedua-dua abangnya dibolehkan untuk menyambung pelajaran sampai ke Madinah.

Alasan Kiai Hanan mengatakan tidak bisa melepas Annisa tanpa muhrim sesuai dengan hadis Nabi yang erti:

"Dari Ibnu 'Abbas RadhiAllahu'anhu, ia berkata: Nabi Muhammad SAW bersabda: Seorang wanita tidak boleh bersafar kecuali bersama mahramnya, dan seorang lelaki tidak boleh masuk menemui wanita kecuali bersama wanita itu ada mahramnya. Maka seorang lelaki berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya hendak keluar rumah didalam tentera ini dan itu, sedangkan isteriku berkehendak melakukan haji. Maka Nabi bersabda: "Keluarlah engkau (berhaji) bersama isterimu".

(HR. Muttafiqun 'Alaih)

Hukum asalnya memang perempuan tidak boleh melakukan perjalanan tanpa mahram, namun terjadi perbezaan pendapat antara para ulama. Sebenarnya kalau dikaji secara mendalam, larangan wanita mengadakan *safar* adalah mengikut keadaan. Sekiranya wanita tersebut dapat menjaga dan diyakini tidak akan terjadi apa-apa, serta berasa bahawa dia akan menyusahkan mahramnya setiap kali akan pergi, maka perjalanan itu dibolehkan. Namun alangkah lebih baik ditemani oleh mahramnya.

Mustafa Siba'i (1986) menjelaskan bahawa wanita perlu mempelajari ilmu pengetahuan dan memberikan mereka peluang seluas-luasnya untuk meneroka pelbagai ilmu

pengetahuan supaya dapat melahirkan ibu-ibu yang terpelajar. Petingnya mengajar anak-anak perempuan supaya mereka itu pandai mendidik dirinya sendiri sewaktu menempuh alam remaja. Pendidikan terhadap wanita wanita perlu diperbanyak dengan menubuhkan sekolah-sekolah bagi mempelajari keterampilan wanita. Jadi, pendidikan keterampilan ini amat penting bagi menonjolkan sikap wanita yang mempunyai ilmu.

Pengkaji mendapati bahawa Islam amat menghargai dan menghormati kaum wanita dengan memberikan mereka hak-hak kemanusiaan yang sama dengan kaum lelaki. Walau bagaimanapun kita tidak dapat menafikan bahawa kejadian lelaki wanita adalah berbeza daripada sudut fungsi dan fizikalnya. Jadi, wanita mempunyai hak menuntut ilmu selagi tidak bertentangan dengan syariat Islam. Maksudnya, wanita masih menjaga batas-batas sebagai seorang wanita muslimah supaya ia tidak mendatangkan fitnah kepada agama Islam itu sendiri.

4. Hak Perkahwinan

Babak ini menceritakan Anisa yang tidak mahu dijodohkan dengan Samsudin, kerana dia masih ingin menyambung pengajiannya sesuai dengan apa yang dia cita-citakan. Anisa terus menolak perjodohan dirinya dengan Samsudin, tetapi perkataan Kiai Hanan tidak boleh dibantah, dan akhirnya dengan terpaksa Anisa menerima perjodohan tersebut.

Berdasarkan dialog antara Kiai Hanan dengan Annisa, Kyai Hanan ingin menjodohkan Anisa dengan Samsudin. Namun Kiai tidak menghiraukan keinginan Anisa untuk menyelesaikan sekolahnya terlebih dahulu. Kiai Hanan tetap memaksa Annisa untuk menikah dengan menyebutkan beberapa kelebihan calon suaminya seperti: “*anak sahabatnya, putra kyai juga, sarjana, apa yang kurang?*”. Walaupun Kyai Hanan sudah menyebutkan kelebihan daripada setiap calon suaminya, namun Anisa tetap bertegas tidak mahu menikah.

Pada dialog seterusnya, Kyai Hanan ingin Anisa segera bernikah dengan Samsudin, kerana apabila Anisa bernikah dengan Samsudin maka keinginan Kyai Hanan untuk membesarakan pesantren Al-Huda akan terlaksana. Jelas menunjukkan bahawa pernikahan antara Annisa dengan anak sahabat Kyai Hanan ini ternyata bukan sahaja untuk mempereratkan hubungan persahabatan mereka, tetapi juga mempunyai maksud lain daripada ayahnya. Anisa dimanfaatkan untuk mencari keuntungan, bukankah seharusnya Kyai Hanan perlu memahami keinginan Annisa, mungkin selepas Anisa lulus pengajiannya, Anisa boleh mewujudkan keinginan Kiai Hanan untuk membesarakan pesantrennya tanpa harus berenikah dengan lelaki pilihan Kyai Hanan.

Melalui gambaran yang terjadi tersebut, dapat diketahui bahawa masyarakat umum menganggap perempuan tidak perlu sekolah tinggi, kerana setelah bernikah nanti hidupnya akan ditanggung oleh seseorang yang akan menjadi suaminya. Pandangan seperti itu untuk zaman sekarang sudah banyak perempuan yang bekerja untuk membantu suaminya mencari wang demi memenuhi keperluan hidup mereka.

Islam bukan sahaja memperlihatkan kewujukan kaum wanita dalam persoalan hak milik, dalam urusan perkahwinan, keizinan dan persetujuan wanita itu adalah dituntut walaupun seorang ayah itu mempunyai hak dan kuasa ke atas anak perempuannya. Menurut Qutb (1987) mengatakan bahawa akad nikah itu akan terbatal jika anak gadis itu mengumumkan bahawa dia tidak setuju dengan perkahwinan tersebut. Oleh itu, Islam dengan tegas memberikan hak kepada wanita untuk memilih calon suami malah mereka boleh melamar lelaki yang disukainya untuk menjadikan suaminya. Sedangkan wanita barat hanya memperoleh hak ini pada kurun ke-18 selepas satu perjuangan yang panjang.

5. Hak Berkarya

Masih berada dalam babak yang sama dengan pembahasan sebelumnya, setelah selesai mendoakan, Wildan membuka pembicaraan kepada Khudori, sehingga terjadilah dialog yang dapat dianalisis bahwa berdasarkan dari apa yang disampaikan Anisa mengenai keinginannya mendirikan perpustakaan dan mengajar menulis dapat dilihat sebagai bentuk dedikasi Annisa terhadap pesantren milik ayahnya, Kyai Hanan. Anisa ingin menjadi salah satu bahagian dalam proses memajukan pesantren, kerana kelak Anisa ingin para penuntut wanita menjadi perempuan yang cerdas dan bermanfaat kepada orang lain.

Salah satu cara yang dapat dilakukan Annisa adalah mengajar menulis kepada pelajar perempuan iaitu menulis membuat satu karangan atau cerita yang baik, memberikan imaginasi pelajarnya ke dalam bentuk rangkaian kata-kata yang indah. Selain itu perpustakaan yang ingin dibangunkan oleh Anisa juga bertujuan agar pelajar wanitanya memiliki wawasan, pengetahuan, serta ilmu yang luas. Tuntasnya Anisa menginginkan pelajarnya mempunyai ruang mengembangkan karya sehingga para pelajarnya boleh menjadi seorang wanita yang bijak dan cerdas.

Memahami dari apa yang menjadi persoalan kepada Kiai Ali dan Reza dapat difahami bahawa sebagai suatu tindakan yang menghalangi pelajar wanita untuk mendapatkan pengetahuan dan wawasan umum sekali gus ruang untuk mengembangkan diri mereka. Hal tersebut adalah salah satu bekalan mereka untuk meraih cita-cita yang mereka inginkan. Babak ini semakin memperjelas bahawa pendapat dan tindakan Kiai Ali, Reza dan warga pesantren lain lakukan adalah tidak lebih sebagai bentuk daripada pola berfikir mereka yang sempit dan tetutup. Sehingga mereka tidak mahu menerima pembaharuan positif daripada dunia luar dan mempertahankan apa yang menjadi budaya mereka, yang pada akhirnya keadaan tersebut dapat merugikan pihak perempuan.

Analisa yang dapat dijalankan oleh pengkaji bahawa setiap wanita perlu mempunyai medan untuk melontarkan sesebuah pandangan dan karyanya. Pada zaman Rasulullah SAW, isteri Nabi Muhammad s.a.w iaitu Saidatina Aisyah juga merupakan tokoh muhaddith dan penghafal sunnah, seorang yang fasih dan alim dalam ilmu syariah Islam (Qardasy 2003: 56). Hasil hidup bersama Rasulullah s.a.w, Aisyah banyak mewarisi sifat-sifat keutamaan seperti sifat peribadi mulia baginda. Oleh itu, wanita juga mempunyai hak untuk memperkembangkan kredibilitinya dalam berkarya kerana ia juga dapat memberi sumbangan kepada agama, negara, dan masyarakat sendiri.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa tema utama yang dibawa di dalam filem ini ialah penganiayaan terhadap hak wanita muslim yang diabaikan. Pengkaji melihat daripada sudut pandang nilai keistimewaan seorang wanita yang perlu didengari suaranya juga. Pengkaji memilih filem Perempuan Berkalung Sorban kerana ia selari dengan matlamat pengkaji. Filem ini telah menunjukkan kekerasan dan penganiayaan yang digunakan dari sudut psikologi dan mental bahawa stigma masyarakat yang menganggap bahawa wanita tidak mempunyai pilihan untuk membuat keputusan.

Pengkaji telah merumuskan daripada sudut pandang Islam dan sarjana Islam yang dikenali supaya ia dapat kembali menjawab persoalan-persoalan yang ditimbulkan di dalam filem ini seperti larangan keluar rumah, bermain, patuh pada arahan suami, dan hak berkarya. Pengkaji merumuskan bahawa semua aspek yang dikaji dapat membuka mata masyarakat

supaya mereka tidak memandang rendah pada wanita. Di samping tidak melawan perintah Allah SWT.

Akhir sekali, wanita mempunyai hak-hak yang Allah telah sebutkan di dalam Al-Quran seperti hak sebagai seorang anak, isteri, dan sebagai ibu bapa. Filem ini memberi banyak pengajaran kepada masyarakat supaya menjaga maruah wanita dengan cara yang Allah redha. Hal ini bagi membendung keganasan terhadap wanita yang berlaku pada hari ini tanpa kita sedar.

RUJUKAN

- Al-Quran dan Terjemahan.
- Abidah El-Khalieqy. (2009). *Perempuan Berkalung Sorban*. Arti Bumi Intaran: Indonesia.
- Ahmad Sufian. (2013). *Wanita Dalam Islam: Kemosyikilan dan Panduan*. Ilusion Network, Shah Alam: Selangor.
- Abdul Aziz. (1983). *Islam Agama Suci*. Indonesia: CV. Toha Putra.
- Asghar Ali. (2005). *The Quran, Women and Modern Society*. New Dawn Press Group. New Delhi: India.
- James Chapman. (2003). *Cinemas of the World: Film and Society from 1895 to the Present*. London: Reaktion Books.
- Mustafa Siba'i. (1986). *Wanita Menurut Syariat Islam dan Peradaban Moden*. Terj: Halimuddin. Pustaka Antara: Kuala Lumpur.
- Nurcholish Majid. (2000). *Masyarakat Religius*. Jakarta: Paramadina.
- Utusan Malaysia. (2010). Isu Gender Punca Wanita Ditindas.
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?dt=0825&pg=ke_01.htm&sec=Keluarga&y=2010
- Al-Qardhawi, Yusuf. (2002). *Wanita dan Masyarakat Islam Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah*. Terj: Muhammad Baihaqi. Al-Hidayah Publishers: Kuala Lumpur.
- Qardasy. (2003). *Peranan Wanita Dalam Periwayatan Hadis*. Pustaka Azzam: Selangor.

MAKLUMAT PENULIS

WANI SYAFIQAH BINTI ADNAN

Universiti Kebangsaan Malaysia

waniisyafiqah1494@gmail.com

INDRIATY ISMAIL

Universiti Kebangsaan Malaysia

indriaty@ukm.edu.my